

31/12/2003

Analisis punca kemalangan elak buat keputusan melulu

Rejal Arbee

MALAM ini ramai akan menyambut ketibaan tahun baru esok dengan pelbagai keazaman baru pula. Selain daripada membuat azam peribadi untuk mencapai kejayaan dalam segala aktiviti bagi mengecapi kehidupan yang lebih baik, rakyat keseluruhannya tentu mengharapkan negara akan terus aman dan damai sepanjang tahun baru nanti.

Peristiwa terbesar dalam negara tahun yang akan berlalu ini, ialah pertukaran tampuk kuasa kerajaan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 1 November lalu.

Rakyat negara ini patut bersyukur kerana peralihan kuasa itu telah berlangsung dalam suasana sejahtera dan aman tanpa sebarang kesulitan atau masalah.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad sejak itu telah berjaya memantapkan stailnya dengan memberikan tumpuan kerajaan terhadap memenuhi kehendaknya rakyat biasa dalam segala urusan dan perancangannya.

Beliau berusaha mewujudkan perkhidmatan yang cekap lagi efisien di kalangan kakitangan kerajaan supaya orang biasa dapat diberikan khidmat terbaik yang mereka harapkan tanpa banyak kerenah.

Diharapkan nanti tidak lagi timbul sungutan pelbagai perkhidmatan yang disediakan bukan saja kurang efisien tetapi amat lembap hingga menyusahkan rakyat serta membawa kepada pelbagai amalan tidak sihat. Ramai mengharapkan orientasi khidmat Abdullah kepada rakyat biasa ini akan mencapai kejayaan.

Dalam menyambut ketibaan tahun baru rakyat juga harus bersyukur berada di bumi bertuah ini di mana kita dapat hidup rukun damai tanpa menghadapi apa-apa bala bencana alam yang teruk seperti gempa bumi yang melanda rakyat Iran di kota bersejarah Bam Khamis lalu yang mengorbankan berpuluh ribu orang.

Berikutan kejadian itu beberapa akhbar termasuk Berita Harian telah melancarkan tabung gempa bumi Iran untuk membantu mangsa bencana alam itu dengan harapan ramai akan menderma.

Kita mengakhiri 2003 masih membincangkan bagaimana hendak mengurangkan kejadian kemalangan ngeri, kebanyakannya membabitkan kenderaan berat. Terakhir ialah lori pasir yang telah melanggar ramai penunggang motosikal yang berteduh dari hujan lebat di bawah jejambat lebuhraya Kajang yang menyebabkan empat orang mati.

Sabtu lalu seorang lagi pemandu kereta mati dengan ngerinya apabila muatan dikatakan 19 tan kayu bergergaji jatuh dari lori dan menghempap kereta yang sedang berselisih di Jalan Kuala Lumpur-Rawang.

Kedua-dua kejadian ini menimbulkan pelbagai persoalan mengenai lori yang membawa muatan berat dan bagaimana lori dipandu. Dalam tempoh dua tiga minggu ini akhbar tempatan dan juga TV telah memberikan liputan meluas terhadap kejadian kemalangan yang semakin menjadi khususnya yang membabitkan kenderaan berat.

Apakah salah membuat kesimpulan pemandu kenderaan berat tidak kisah dengan pengguna lain kerana tahu mereka besar dan kalau berlaku kemalangan pun yang menjadi mangsa ialah kenderaan kecil.

Malangnya banyak perbincangan yang telah diadakan dan dilaporkan secara meluas, seolah-olah tidak mendapat perhatian orang yang disasar - pemandu termasuk yang memandu kenderaan berat. Ruang ini empat minggu lalu menimbulkan kemungkinan pelbagai berita kemalangan tidak langsung mendapat perhatian pemandu kenderaan berat. Banyak telah diperkatakan mengenai kemalangan jalan raya dalam negara berikutan dengan kemalangan ngeri bas ekspres melanggar dengan bas sekolah yang menyebabkan 15 maut di jalan Kuala Lipis-Merapoh.

Tetapi segala berita mengenainya serta banyak kemalangan lain yang juga

mendapat liputan meluas oleh akhbar dan TV seolah-olah tidak mendapat perhatian mereka ini.

Demikian juga apakah segala perbincangan terhadap kemalangan jalan raya dan bagaimana ia dapat dikurangkan mendapat perhatian mereka yang disasarkan. Mungkin tidak salah jika diandaikan mereka ini tidak membaca akhbar atau melihat berita di TV. Kalau pun mereka tonton TV ia hanyalah untuk menonton filem atau drama, tidak untuk mendengar berita. Tidakkah mustahil mereka ini tidak tahu pun berita kemalangan di jalan raya.

Banyak sudah diperkatakan mengenai bagaimana masalah ini boleh ditangani. Malangnya beberapa syor yang dibuat memberi gambaran reaksi yang tergesa-gesa tanpa berfikir panjang dengan tidak mengambil kira implikasinya yang menyeluruh. Maka dengan itu timbullah pelbagai cadangan bersifat knee jerk ini, antaranya:

- \* Tidak membenarkan bas ekspres beroperasi selepas jam sembilan malam. (Apakah pengharaman ini praktikal? Ia juga memberi gambaran seolah-olah operasi pada siang hari dijamin selamat. Kiranya peraturan ini diadakan kerana ramai pemandu mengantuk pada sebelah malam, tidakkah peraturan menetapkan setiap bas ekspres ada dua orang pemandu dapat mengatasi masalah ini? Apakah memandu tanpa rehat pada siang hari tidak meletihkan dan juga berbahaya? Hakikat ramai orang suka melakukan perjalanan waktu malam harus dipertimbangkan sebelum cadangan ini dilaksanakan).

- \* Mengurangkan had kelayakan umur mereka yang hendak memohon lesen memandu (sebelum cadangan ini dilaksanakan suatu kajian menyeluruh harus dilakukan untuk mendapatkan implikasi tindakan ini).

- \* Memberi kuasa kepada semua anggota polis menyaman pengguna jalan raya yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan (cadangan ini juga perlu dikaji dengan mendalam mengenai buruk baiknya. Apakah kebenaran secara menyeluruh ini tidak membuka peluang lebih terhadap amalan rasuah di kalangan anggota polis yang sekarang ini pun sudah menimbulkan banyak tanda tanya?.

Terakhir berikutan kemalangan membabitkan sebuah lori pengangkut pasir merempuh sekumpulan penunggang motosikal yang berteduh daripada hujan lebat di bawah jejambat lebuhraya Kajang, ada cadangan penunggang diharamkan berteduh di lebuhraya.

Cadangan ini memang ada baiknya, tetapi selagi tempat berteduh tidak disediakan oleh pengurusan lebuhraya, apa alternatifnya bagi penunggang motosikal berteduh apabila berlaku hujan terlalu lebat hingga tidak mengizinkan mereka meneruskan perjalanan?

Ada juga yang berkata, kalau sudah tahu hendak hujan kenapa tidak sediakan baju hujan. Yang menjadi masalahnya bukanlah kerana tidak mahu lencun dibasahi hujan tetapi kerana keadaan cuaca terlalu buruk hingga jalan raya pun tidak boleh dilihat dengan jelas.

Dalam keadaan demikian bagaimana penunggang motosikal hendak dipaksa meneruskan perjalanan? Kalaulah demikian halnya kenapa tidak mengharamkan saja motosikal? Tentunya tindakan begini tidak masuk akal.

Dalam kejadian itu ramai yang melihatnya berkata, lori itu dipandu terlalu laju walaupun dalam keadaan hujan lebat. Inilah yang menjadi puncanya. Lori itu juga dikatakan tidak ada cukai jalan.

Kalau demikian halnya bagaimana ia boleh beroperasi di jalan raya? Persoalannya bagaimanakah mereka ini boleh terus beroperasi? Apakah polis tempatan tidak mengetahui perkara ini? Agak mustahil kalau percakapan orang boleh dipercayai.

Ada tuduhan mengatakan kereta ronda polis pernah dilihat berulang alik ke kawasan pejabat pembinaan dan rumah kongsi tempat ada banyak kenderaan mengangkut tanah dan pasir berulang alik.

Apa sebenarnya urusan mereka itu? Kalau terserempak dengan lori yang tidak ada cukai jalan beroperasi di jalan raya, kenapa tindakan tidak dikenakan? Apakah pernah pengusaha lori-lori itu dikenakan tindakan?

Terakhir Setiausaha Agung Persatuan Pengusaha-Pengusaha Lori Selangor dan Kuala Lumpur, Alvin Choong mendakwa ada sehingga 40 peratus daripada lori yang beroperasi di jalan raya tidak memiliki cukai jalan dan

perlindungan insurans.

Ini adalah suatu dakwaan yang amat berat dan serius. Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) harus segera bekerjasama untuk mendapat maklumat menyeluruh mengenainya.

Kalau benar satu operasi besar-besaran hendaklah dilancarkan bagi menahan lori itu serta mendakwa pemiliknya.

Kesimpulannya pihak berkuasa khususnya polis dan JPJ sepatutnya sudah mempunyai maklumat analisis menyeluruh terhadap kemalangan jalan raya, terutama kemalangan ngeri bagi mengetahui puncanya, apakah kerana keadaan jalan raya, keadaan kenderaan yang terbabit atau kerana kecuaiian pemandu atau pemandu yang tidak cekap.

Hanya dengan maklumat komprehensif demikian barulah tindakan yang berkesan boleh dilaksanakan. Kalau tidak, semuanya akan meraba-raba mencari sebab. Dengan itu tidak hairanlah timbulnya cadangan bersifat knee jerk ini. Selamat tahun baru.